

REAKSI ORANG MUDA

Anak muda yang berusia 21 tahun perlu mendaftar segera sebagai pengundi kerana...

"INI demi menjamin hak sebagai pengundi di dalam sesuatu pilihan raya dan menjalankan tanggungjawab sebagai warganegara Malaysia. Pada pandangan saya, pendaftaran sebagai pemilih adalah hak rakyat di bawah Perkara 119 Perlembagaan Persekutuan. Generasi muda mencorak masa hadapan negara. Anak muda ini jugalah sebagai sasaran utama untuk menjadi pelapis negara suatu masa nanti."



NURUL SYUHADAH NORHASINI
Universiti Teknologi Mara

"ANAK muda yang berusia 21 tahun perlu mendaftar segera sebagai pengundi kerana ia merupakan tanggungjawab dan bagi menentukan masa depan kita. Sikap endah tak endah dengan menganggap bahawa satu undi tidak akan membawa sebarang perubahan perlu dibuang daripada mentaliti. Yakinlah, tanggungjawab sebagai pengundi mampu menjanjikan masa depan negara yang lebih cerah dengan pemilihan calon pemimpin yang tepat dan berwibawa."



ROZAIDI ROZMAN
Universiti Teknikal
Malaysia Melaka



"PADA pendapat saya, peranan anak muda pada masa kini harus lebih proaktif dan perlu mendaftar merupakan tanggungjawab yang perlu mereka lakukan demi masa depan negara bagi memastikan negara kekal harmoni dan aman."

SHELLEY ARBA'ANI
Universiti Malaysia Sabah

"UMUR 21 tahun merupakan peringkat umur yang rata-rata anak muda sudah mencapai tahap kematangan fikiran. Oleh itu, menjadi tanggungjawab bagi golongan belia untuk turut serta di dalam membuat keputusan memilih pemimpin negara ini."



HAILY KHAIZY
Universiti Putra Malaysia

"Ini semua ada berkaitan dengan politik, itulah sebab mengapa anak muda perlu mendaftar sebagai pengundi. Politik telah wujud sejak zaman kecil lagi, kita diminta untuk memilih sesuatu perkara sama ada baik atau buruk walau bagaimanapun itu merupakan keputusan kita. Jadi anak muda kini perlu mendaftar sebagai pengundi kerana setiap apa yang akan berlaku pada masa akan datang bergantung kepada generasi muda."



SYAZWAN HUSAINI SANUSI
Universiti Malaysia

"Anak muda yang berusia 21 tahun perlu mendaftar sebagai pengundi dengan segera kerana mereka sudah matang pada usia tersebut untuk memilih kerajaan dan pemimpin yang betul yang bakal mencorakkan pemerintahan negara."



NORAINA NAZERI
Kolej Universiti
Metropolitan Kuala Lumpur